

Headline	Suruhanjaya tenaga tawar tender bina loji solar menjelang akhir 2017		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	12 Apr 2017	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	17,812
Page No	10	Readership	53,436
Language	Malay	ArticleSize	77 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 154
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 462



Suruhanjaya tenaga tawar tender bina loji solar menjelang akhir 2017

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Tenaga akan melaksanakan pusingan baharu tawaran tender bagi mempelawa syarikat-syarikat menyertai projek pembinaan loji solar fotovoltaik berskala besar di Semenanjung Malaysia dan Sabah/Labuan, menjelang akhir tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ir Ahmad Fauzi Hasan berkata syarikat pembida terbabit perlu mengemukakan tender tenaga boleh diperbaharui itu yang dijadualkan pada Ogos ini.

"Ketetapan kapasiti (untuk tender) itu adalah dalam lingkungan 1-30 megawatt (MW) dengan sasaran kapasiti agregat sebanyak 360MW di Semenanjung Malaysia dan 100MW di Sabah/Labuan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Seminar Rangkaian Bandar Pintar dan Mesra Alam Institut Penyelidikan Tenaga bagi kali kelima di sini, kelmarin.

Ahmad Fauzi berkata loji-loji berkenaan dijangka akan beroperasi pada tempoh 2019 hingga 2020. -Bernama